

Sikap 'jaga tepi kain' boleh bendung masalah penderaan

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Sikap 'jaga tepi kain' seharusnya dipandang secara positif oleh masyarakat dalam usaha membendung masalah penderaan yang dialami khususnya melibatkan golongan wanita dan kanak-kanak.

Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Prof. Dr. Fatimah Daud** berkata, masyarakat tidak harus memandang remeh dengan sikap mengambil berat antara satu sama lain.

"Orang Melayu khususnya amat sensitif dengan ayat jangan jaga tepi

kain orang kerana mereka menganggap sifat mengambil berat itu sebagai penyibuk.

"Masyarakat kita seharusnya sedar tentang tanggungjawab sosial dalam kalangan mereka yang mampu menyelamatkan keadaan sekiranya situasi semakin teruk," katanya semasa dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor tentang budaya 'menjaga tepi kain orang' yang diperlukan dalam masyarakat bagi membasmi keganasan dan kezaliman ke atas

wanita dan kanak-kanak secara bersepadu.

Tambahnya, keadaan itu amat berlainan daripada keadaan pada zaman dahulu yang menerapkan nilai moral yang tinggi dalam masyarakat.

"Masyarakat kini kurang mendalami nilai moral yang dipelajari di sekolah, jadi mereka tidak mengambil peduli tentang tanggungjawab sosial mereka.

"Sehubungan itu, usaha dalam mendidik orang awam tentang tanggungjawab sivil perlu diadakan sebagai platform bagi mencegah ke-

ganasan dan kezaliman terhadap wanita dan kanak-kanak," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Rusnani Abdul Kadir** berkata, sikap masyarakat yang tidak peka tentang keadaan sosial persekitaran menyebabkan gejala penderaan terus berlaku.

"Orang awam terutama yang tinggal di bandar tidak mempedulikan situasi yang berlaku di kawasan sekitar kerana mereka tidak ada perasaan tanggungjawab sesama mereka.

"Sekiranya sifat ini tidak dibendung dengan segera, amat sukar untuk membasmi masalah penderaan yang berlaku dalam kalangan mereka kerana tidak ada sesiapa yang tahu dan peduli," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), **Datuk Faridah Khalid** bersetuju sikap 'jaga tepi kain' mampu mencegah kezaliman daripada terus berlaku.

"Sifat ambil tahu antara kawan serta jiran mampu membasmi masalah penderaan daripada terus berlarutan," katanya.